

# BAB KELIMA

## **BAB KELIMA : PENUTUP**

### **5.1 Pendahuluan**

Kajian ini telah mengupas dan membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan konsep qada' dan qadar menurut Islam. Penulis juga telah mengutarakan beberapa persoalan mengenai qada' dan qadar yang biasanya timbul di kalangan masyarakat serta membahaskannya dengan teliti berpandukan sumber-sumber muktabar. Seterusnya penulis ingin merumuskan beberapa kesimpulan hasil kajian ini. Kesimpulan dibuat agar setiap pembahasan dapat difahami dengan mudah dan tepat. Penulis kemudiannya memberi beberapa saranan yang diharapkan dapat membantu kajian-kajian seperti ini agar menjadi lebih baik dan lengkap. Penulis berharap kajian ini telah mencapai maksud walaupun tidak sepenuhnya kerana adalah amat sukar bagi penulis yang serba kekurangan untuk memenuhi keseluruhan kehendak kajian.

### **5.2 Kesimpulan**

Sepanjang kajian dibuat sehingga ke peringkat akhir, terdapat banyak pengajaran dan kesimpulan yang boleh diambil melalui topik-topik perbincangan. Penulis rumuskan kesimpulan-kesimpulan tersebut seperti berikut:

Beriman kepada qada' dan qadar adalah rukun iman yang ke enam. Qadar dan qada' ialah suatu sistem peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah sw.t. mengikut kehendak dan ilmunya sejak azali mengenai segenap aspek berkaitan dengan makhluk. Seandainya manusia mengikut peraturan yang ditetapkan, dia akan berjaya mendapatkan apa yang dihajati. Sebagai contoh, untuk berjaya cemerlang dalam-peperiksaan, seorang pelajar mestilah mengikut disiplin belajar dengan betul. Untuk

mengelakkan kemalangan, pemandu mesti mematuhi undang-undang jalanraya. Tidak mengikut peraturan akan menyebabkan kepincangan pada maujudat atau tidak tercapainya objektif yang dikehendaki.

Dalam membincangkan qada' dan qadar terdapat pelbagai isu serta persoalan yang timbul. Setiap muslim mestilah sentiasa berhati-hati supaya tidak terjerumus ke dalam persoalan yang menyebabkan hilangnya kepercayaan kepada qada' dan qadar atau sangsi serta tidak yakin kepada kesempurnaan Allah s.w.t. Asas akidah qada' dan qadar ialah mengetahui pengertiannya; beriman kepada ilmu Allah s.w.t. yang bersifat menyeluruh, beriman bahawa takdir segala maujudat tertulis di Luh Mahfuz, beriman bahawa Allah pencipta segala maujudat, beriman kepada *mashi'ah* Allah yang pasti terlaksana dan tidak dapat dihalang oleh sesiapa, menyakini bahawa Allah s.w.t. Maha Adil dan tidak menzalimi hamba dan menyakini segala perbuatan Allah mempunyai kebaikan serta Allah s.w.t. tidak melakukan sesuatu dengan sia-sia.

Berdasarkan nas, penulisan takdir dapat diklasifikasikan kepada beberapa peringkat iaitu takdir azali, takdir sebelum kejadian manusia, takdir di dalam rahim, takdir tahunan di malam *al-Qadar* dan takdir harian. Kesemua takdir tersebut tiada pertentangan antara satu dengan yang lain. Supaya mudah difahami, ia boleh dibandingkan dengan peruntukan tahunan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesebuah organisasi. Peruntukan itu diagih mengikut perbelanjaan bulanan dan harian oleh organisasi terbabit.

Terdapat banyak dalil yang menunjukkan wajib beriman dengan qada' dan qadar, juga menerangkan konsepnya. Setiap muslim mestilah memahaminya sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w., difahami oleh para sahabat, *tabi'in* dan *al-Salaf al-Sâlih*. Permasalahan mengenai qada' dan qadar timbul akibat

kejahanan terhadap kesyumulan Islam. Walhal persoalan tersebut telah ada jawapannya di dalam al-Quran dan Hadis. Ayat atau hadis tidak boleh difahami menerusi satu pihak sahaja. Ia hendaklah difahami secara menyeluruh kerana ayat-ayat al-Quran adalah pelengkap antara satu dengan yang lain. Ayat dan hadis mempunyai rahsianya tersendiri yang tersirat di sebalik apa yang tersurat. Akal pula tidak akan dapat menjangkau keseluruhan rahsia kejadian dan takdir Allah s.w.t. kerana peranannya terbatas. Orang yang termakan hasutan syaitan adalah mereka yang hanya memandang serta meneliti konsep qada' dan qadar melalui akal atau ayat-ayat berkaitan dengannya dari satu pihak sahaja.

Terdapat perselisihan pendapat dalam isu *af'āl al-'ibād*. *al-Jabariyyah* berpendapat hamba bagaikan kapas yang hanya mengikut arah tiupan angin, tiada upaya untuk menolak tiada pilihan dan kemampuan. *al-Qadariyyah* dan *al-Mu'tazilah* pula memberikan kudrat sepenuhnya kepada hamba, menurut mereka, hamba bebas melakukan apa sahaya yang dikehendakinya walaupun berlawanan dengan kehendak Allah s.w.t. *al-Jabariyyah* menafikan peranan akal fikiran dan ikhtiar yang mana wujudnya dapat dirasakan oleh setiap hamba. *al-Qadariyyah* dan *al-Mu'tazilah* pula meletakkan manusia setaraf dengan Allah kerana mendakwa dapat melakukan perbuatan walaupun diluar kehendak Allah. Menurut *Ibn Taymiyyah* dan *Ibn Hazm*, pandangan *al-Ash'ari* pada hakikatnya sama dengan aliran *al-jabr* kerana *al-kasb* yang dinyatakan oleh *al-Ash'ari* tidak memberi kesan. *Ibn Taymiyyah* mengutarakan pendapat pertengahan di antara *al-Jabariyyah* dan *al-Mu'tazilah*. Baginya manusia melakukan perbuatannya sendiri melalui kudrat yang Allah anugerahkan. Perbuatan manusia memberi kesan sepertimana air dapat menghilangkan dahaga. Walaupun begitu, semua perbuatan adalah ciptaan Allah kerana Allah mencipta kudrat pada

manusia dan juga kesan *tabi'i* pada makhluk lain seperti air dan api. Justeru, manusia layak diberikan *taklif*.

Ilmu Allah s.w.t. tidak memaksa hamba melakukan sesuatu perbuatan. Ilmu bersifat menyingkap sesuatu maklumat, tidak berperanan untuk mewujudkan atau meniadakan sesuatu. Jestéru, Allah s.w.t. tidak sekali-kali memaksa hamba untuk beriman walaupun Dia boleh berbuat begitu. Allah ingin manusia memilih di antara dua perkara; baik atau jahat. Apabila kebaikan menjadi pilihannya, bahagialah dia, apabila kejahanan yang dipilih, celakalah dia.

Melakukan maksiat atau meninggalkan kewajipan agama dengan menjadikan takdir sebagai alasan adalah salah di sisi Syarak. Takdir yang terdapat dalam ilmu Allah tidak diketahui oleh sesiapa walaupun malaikat atau rasul. Berhujah dengan takdir bererti menempelak Allah s.w.t. yang telah menurunkan syariat-syariat dan mengutuskan para rasul. Hamba dipерintahkan agar melaksanakan perintah dan menjauhi larangan-Nya. Untuk itu, hamba diberi kudrat bagi melakukan perbuatan pilihannya. Dia sendiri tidak merasa dipaksa ketika melakukan sesuatu perbuatan.

Beriman dengan qada' dan qadar bukanlah faktor kemunduran umat Islam kerena umat terdahulu telah membuktikan bahawa iman itulah yang membawa mereka ke mercu kegemilangan. Beriman dengan qada' dan qadar juga tidak bertentangan dengan konsep tawakal kerana berusaha dan berikhtiar itu sendiri adalah takdir. Takdir menuntut seseorang muslim berusaha untuk mencapai apa yang dikehendaki dan menjauhi apa yang tidak disenangi, begitu juga dengan tawakal. Tawakal tidak bererti berserah bulat-bulat kepada ketentuan Allah. Seorang yang bertawakal mestilah berusaha dahulu kemudian berserah kepada ketentuan Allah. Begitu jugalah dengan doa, ia tidak bertentangan dengan qada' (pelaksanaan kepada takdir) kerana dengan

rahmat-Nya, Allah s.w.t. menjadikan doa perisai yang boleh menahan atau membantutkan perjalanan qada' yang sedang menuju sasaran. Doa juga tidak bertentangan dengan qadar (takdir) kerana doa itu sendiri adalah qadar. Sesuatu takdir boleh dihilangkan dengan takdir lain sebagaimana 'takdir lapar' boleh dihilangkan dengan 'takdir makan'. ;

Hadis yang menyatakan bahawa setiap anak dilahirkan dalam fitrah tidak menyalahi konsep takdir kerana memang anak itu pada asalnya suci tetapi setelah dilahirkan, syaitan jin dan manusia telah memesongkannya dari jalan sebenar lalu dia terikut. Dalam pada itu, Allah s.w.t. yang mengetahui apa yang akan berlaku pada anak tersebut, telah mencatatnya di Luh Mahfuz.

Iradat hamba bukanlah semata-mata fatamorgana atau boneka kepada iradat Allah. Allah menganugerahkan iradat kepada hamba kerana Dia menghendaki iradat hamba berfungsi dan berperanan. Andainya irahat hamba tidak berfungsi, sia-sialah perbuatan Allah sedangkan Allah tidak melakukan perbuatan sia-sia. Pengertian *al-irādah* (kehendak), *al-amr* (perintah) dan *al-ridā* (keredaan) adalah berbeza. Sebagai contoh, Allah s.w.t. ingin menguji ketakutan hamba dengan perintah mendirikan solat. Sama ada hamba (melalui iradatnya) mendirikan solat atau tidak, kedua-duanya dikehendaki Allah. Andainya hamba mendirikan solat maka ia diredai Allah dan sekiranya dia meninggalkan solat maka murkalah Allah s.w.t.

Pengabdian hamba yang hakiki kepada Allah s.w.t. mendidik hamba agar tidak mempersoalkan kekuasaan, kehendak, dan keadilan Allah s.w.t. terhadap hamba kerana pada hakikatnya setiap hamba adalah milik-Nya. Allah s.w.t. berhak memperlakukan apa sahaja terhadap makhluk-Nya, Dia tidak layak disoal tetapi

hambalah yang akan disoal diakhirat nanti. Apa yang mesti diyakini ialah Allah s.w.t. tidak sekali-kali menzalimi hamba.

Beriman dengan qada' dan qadar menjadikan seluruh muslimin bersifaf berani, tawaduk, optimis, tawakal, mudah memaafkan kesalahan orang, mengerjakan amar makruf dan nahi mungkar, mengharap rahmat Allah dan takut kepada kemurkaan-Nya. Sifat-sifat tersebut menjadikan umat Islam mempunyai kekuatan, kemegahan dan disegani masyarakat dunia. Apabila tahap ini tercapai maka makmurlah dunia dibawah naungan pemerintahan Islam.

Hasil kajian mendapati orang Melayu di bandar Kuantan secara keseluruhannya memahami dan menghayati konsep qada' dan qadar. Mereka memahami bahawa takdir ada kaitannya dengan ilmu Allah, penulisan di Luh Mahfuz, *mashī'ah* dan *khalq* Allah s.w.t. Mengenai *afāl al-'ibād*, mereka mempercayai manusia mampu melakukan perbuatan yang dipilihnya. Mereka juga memahami bahawa segala maujudat ada takdirnya, termasuk takdir manusia sama ada ke syurga atau neraka. Menurut mereka, amalan baik tidak boleh diabaikan walaupun ia bukanlah satu-satunya penjamin untuk masuk syurga. Syurga tidak boleh dibeli dengan amalan. Amalan hanyalah sebab untuk membolehkan seseorang masuk syurga. Hakikatnya, rahmat Allah yang memasukkan seseorang ke dalam syurga. Mereka memahami bahawa doa tidak bertentangan dengan takdir. Ini menunjukkan mereka sentiasa beramal dengan bacaan doa sebagaimana dianjurkan Islam. Mereka juga berpendapat menyelamatkan diri daripada kecelakaan tidak bererti lari daripada takdir atau tidak meredainya. Ini kerana berusaha untuk menghindari keburukan itu disuruh oleh syarak. Mereka tahu dan faham betapa perlunya bersabar, tidak mengeluh atau menyesali diri apabila ditimpa bencana. Walau bagaimanapun, mereka rasa menyesal,

segera bertaubat dan tidak menyalahkan takdir apabila melakukan dosa. Kajian juga menunjukkan responden sentiasa berusaha dan yakin bahawa usaha yang lebih akan menambahkan lagi rezeki. Mereka tidak terpengaruh dengan fahaman negatif pepatah *rezeki secupak tidak akan jadi segantang*. Para responden juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan apa yang diingini. Mereka juga berusaha melakukan amalan baik kerana ia tidak bertentangan dengan konsep takdir. Mereka tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan beriman kepada takdir adalah faktor kemunduran umat Islam.

### 5.3 Saranan

Berdasarkan kesimpulan, masyarakat Melayu di bandar Kuantan keseluruhannya memahami kosep qada' dan qadar. Justeru, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan umum ke arah meningkatkan lagi kefahaman terhadap akidah qada' dan qadar. Antara saranan tersebut:

Setiap individu muslim hendaklah mengambil berat tentang masalah agama kerana hanya Islamlah cara hidup yang direndai Allah. Jesteru, ilmu agama, lebih-lebih lagi mengenai akidah hendaklah diperdalam. Tanpa ilmu, amalan menjadi pincang dan kehidupan akan berada dalam kegelapan.

Amalan suka bertanya setiap kali timbul kemosyikilan agama dan mengadakan perbincangan mengenainya, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan qada' dan qadar hendaklah hidup pada setiap individu agar kefahaman dan penghayatan terhadap akidah sentiasa segar.

Golongan ilmuan Islam seperti pendakwah dan pendidik bertanggungjawab menyebar dan memantapkan kefahaman sahih mengenai qada' dan qadar kepada setiap lapisan masyarakat.

Bagi mereka yang mencari pasangan hidup, di hadapan mereka ada empat takdir berkaitan dengan pasangan yang ingin dipilih, iaitu harta, keturunan, kecantikan dan pegangan agama. Mereka mestilah memilih takdir keempat kerana hanya kefahaman dan amalan agama dapat membimbing ke arah kehidupan harmoni di dunia dan akhirat. Semasa mengikuti kursus perkahwinan pula, peserta-peserta mestilah didedahkan secara detail segala persoalan dan jawapan berkaitan dengan qada' dan qadar.

Setiap suami dan isteri yang memahami konsep qada' dan qadar hendaklah menyemai akidah tersebut kepada anak-anak. Di samping itu, anak-anak mestilah diawasi dari kecil agar kemurnian jiwa mereka tidak dikotori oleh kefahaman yang bercanggah dengan akidah sebenar. Di zaman teknologi maklumat seperti sekarang, anak-anak amat mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang boleh memesongkan akidah. Memahami konsep qada' dan qadar menjadikan mereka anak salih, bersifat dengan sifat terpuji dan berani.

Setiap keluarga pula hendaklah mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari apa yang telah mereka fahami mengenai qada' dan qadar. Mereka mestilah mengamalkan tuntutannya seperti berusaha dan beramal demi mendapatkan keredaan Ilahi.

Masyarakat hendaklah dijadikan umat berkualiti yang berakidah mantap - melalui pelbagai cara. Majlis-majlis ilmu seperti seminar, forum, sesi-sesi

perbincangan dan program-program lain adalah di antara wasilah yang boleh memperbaiki kefahaman mereka terhadap akidah Islam lebih-lebih lagi terhadap persoalan dan permasalahan yang timbul mengenai qada' dan qadar.

Golongan korporat juga mestilah sentiasa dibimbing oleh para ulama agar mereka tidak bergantung kepada ikhtiar dan usaha sendiri semata-mata tanpa meletakkan pergantungan kepada Allah s.w.t. yang berkuasa menentukan segalanya.

Pakar-pakar dalam bidang pendidikan dan teknologi maklumat mestilah memainkan peranan bagi memastikan dakwah dan ajaran agama, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan akidah disampaikan dalam bentuk yang mudah, canggih dan menarik.

Para pengkaji diharapkan agar dapat memperluaskan lagi kajian berkaitan dengan akidah kerana isu akidah berkait rapat antara satu dengan yang lain. Konsep qada' dan qadar contohnya berkait rapat dengan rukun-rukun iman yang lain.

Kerajaan seharusnya sentiasa membimbang dan memberi kefahaman yang betul kepada masyarakat mengenai akidah qada' dan qadar. Kejayaan dan kemajuan negara akan terjamin apabila berada di tangan mereka yang tidak mendambakan kelazatan dunia tetapi hanya memperhambakan diri kepada Allah dalam memakmurkan dunia ini.

Para penulis dan pendakwah pula hendaklah memberi ruang yang secukupnya untuk menjawab segala persoalan mengenai isu akidah dan memperbanyakkan lagi hasil karya yang membincangkan konsep qada' dan qadar. Ini memandangkan amat-sedikit buku-buku agama yang membincangkan masalah qada' dan qadar secara ditel.

Pelbagai pihak sebaiknya menganjurkan pertandingan yang bertemakan konsep qada' dan qadar. Pertandingan tersebut seperti menulis cerpen, novel, sajak, lagu-lagu nasyid dan sebagainya.

#### 5.4 Penutup

Penulis berharap konsep qada' dan qadar telah jelas dan difahami serta segala kekeliruan dan persoalan mengenainya lenyap diganti kefahaman jitu, murni dan mantap. Semoga panji Islam akan terus berkibar ditangan mereka yang berdaya juang untuk menaikkan kembali syiar Islam dan memertabatkan semula ketuanan Islam sebagaimana yang dilakukan oleh para *al-Salaf al-Šālih*. Keimanan teguh kepada qada' dan qadar menjanjikan kemuliaan kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Bukan setakat itu sahaja, bahkan alam buana seisinya akan tunduk patuh kepada Tuhan yang menetapkan segala takdir.

Walaupun segala usaha telah tercurah untuk kajian ini, sebagai insan yang tidak maksum, penulis pasti terdapat kekurangan padanya. Walau bagaimanapun penulis berharap agar kajian ini dapat membuka laluan ~~dan~~ memberikan ide kepada pengkajian yang lebih mendalam dan menyeluruh.